



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN,
AKAUN AMANAH DAN AGENSI LAIN BAGI TAHUN 2016;**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN
BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI
TAHUN 2016 SIRI 2;**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN 2016 SIRI 2;**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI BAGI TAHUN 2016; DAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BAGI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI TAHUN 2016 SIRI 2.**

1. Seperti mana tahun sebelum, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bagi tahun 2016 dibentangkan secara bersiri sebanyak 2 kali. LKAN Siri 1 telah dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017 (Isnin). Seterusnya LKAN bagi tahun 2016 Siri 2 dibentangkan di Parlimen pada 27 November 2017 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

lanya meliputi LKAN Mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain Bagi Tahun 2016, LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan Bagi Tahun 2016 Siri 2, LKAN Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2016 Siri 2, LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Bagi Tahun 2016 serta LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 Siri 2.

2. Pada hari pembentangan LKAN, Jabatan Audit Negara juga akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.
3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain Bagi Tahun 2016

- a. Ketua Audit Negara Malaysia adalah bertanggungjawab mengesahkan sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi lain telah disediakan secara teratur mengikut piawaian perakaunan yang diterima pakai serta memberi gambaran yang benar tentang kedudukan kewangan Agensi berkenaan. Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 145 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2016 iaitu 133 Badan Berkanun Persekutuan, sepuluh (10) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah serta dua (2) agensi lain.

- b. Sebanyak 126 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 12 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matters*, empat (4) diberi Pendapat Berteguran, satu (1) diberi Pendapat Bertentangan dan dua (2) penyata kewangan masih belum disahkan setakat 15 September 2017 kerana kelewatan mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan yang tidak lengkap.

3.2. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri

- a. Ketua Audit Negara Malaysia juga bertanggungjawab mengesahkan sama ada penyata kewangan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam telah disediakan secara teratur mengikut piawaian perakaunan yang diterima pakai dan memberi gambaran yang benar tentang kedudukan kewangan Kerajaan/Agensi berkenaan. Setakat 26 November 2017, bilangan penyata kewangan yang perlu diaudit dan telah disahkan adalah seperti berikut:

BIL.	PENYATA KEWANGAN	BILANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2016	PENSIJILAN SETAKAT 26.11.2017
1.	Kerajaan-Kerajaan Negeri	13	13
2.	Badan Berkanun Negeri	149	143
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	146	142
4.	Majlis Agama Islam Negeri	13	12
JUMLAH		321	310

- b. Berdasarkan kepada pengauditan terhadap 310 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2016, sebanyak 287 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Audit Tanpa Teguran. Sebanyak lapan (8) penyata kewangan telah diberikan Pendapat Audit berdasarkan

Emphasis of Matter dan 15 penyata kewangan pula telah diberikan Pendapat Audit Berteguran. Lapan (8) penyata kewangan masih dalam proses pengauditan kerana kelewatan agensi mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan yang tidak lengkap. Baki tiga (3) penyata kewangan masih belum dikemukakan oleh Agensi kepada pihak Audit untuk pengauditan.

3.3. Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti/Projek Kerajaan di Peringkat Persekutuan dan Negeri

- a. Setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi yang bertujuan menilai sejauh mana pelbagai aktiviti dan projek Kerajaan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti dan projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
 - b. Bagi LKAN Tahun 2016 Siri 2 ini, sebanyak 19 pengauditan prestasi dan lapan pengauditan pengurusan Syarikat Kerajaan telah dilaksanakan. Manakala di peringkat Negeri, 25 pengauditan prestasi dan 11 pengauditan pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri telah dijalankan. Pengauditan merangkumi pelbagai bidang, antaranya pengurusan program, pembinaan, penyenggaraan dan naik taraf, perolehan serta pengurusan syarikat.
4. Sebagaimana lazim, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 74 syor terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan, 36 syor terhadap pengurusan Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan serta 130 syor terhadap pengurusan

aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

5. Kandungan LKAN Mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agenzi Lain Bagi Tahun 2016, LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan Bagi Tahun 2016 Siri 2, LKAN Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan dan Agenzi Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2016 Siri 2, LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agenzi Bagi Tahun 2016 serta LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 Siri 2 boleh dilayari di Laman Web Jabatan Audit Negara di alamat <https://www.audit.gov.my> mulai 27 November 2017 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada Warkah Ketua Audit Negara. Cakera padat (CD) yang mengandungi laporan-laporan tersebut turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Bilik Taklimat, Aras 2, Bangunan Utama, Parlimen.

Ketua Audit Negara
Malaysia

27 November 2017